

OPERASI DBKL DI IBU KOTA

13 perniagaan peniaga asing tanpa lesen disita

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melakukan 13 tindakan sita terhadap peniaga warga asing yang menjalankan perniagaan tanpa lesen di ibu kota, baru-baru ini.

Dalam kenyataan semalam, DBKL memaklumkan tindakan itu dilakukan di Lebuhraya Pudu, Jalan Tun Tan Siew Sin, Jalan Petaling dan Jalan Sultan hasil pemantauan berkala di kawasan Petaling.

“Sebanyak 13 tindakan sita dilaksanakan terhadap peniaga warga asing yang

menjalankan perniagaan tanpa lesen mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) Pelesenan Peniaga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) 2016.

“Semua barangan yang disita dibawa ke Stor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja, Cheras untuk tindakan rekod dan dokumentasi,” katanya dalam hantar di Facebook, semalam.

Katanya, pihaknya akan meneruskan tindakan dan pemantauan daripada semasa ke semasa di lokasi tumpuan yang sudah dikenal pasti.



ANTARA peniaga warga asing yang tidak memiliki lesen berniaga.